


Headline	TERISTIMEWA DI KALBU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1TO3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	609 cm ²
Journalist	Amir Abd Hamid dan Mohd Firdaus Ibrahim	AdValue	RM 23,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,973



Headline	TERISTIMEWA DI KALBU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1TO3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	609 cm ²
Journalist	Amir Abd Hamid dan Mohd Firdaus Ibrahim	AdValue	RM 23,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,973



**Amir Abd Hamid
dan Mohd Firdaus Ibrahim**
am@hmetro.com.my

Klang

“Maafkan wahai teman, ku menumpang di sudut dunia, mencari ketenangan, sampai masa ku pergi jua...”

Itu antara bait lirik Namun Ku Punya Hati dendangan

kumpulan Revolvers sesuai mengungkapkan kehidupan yang dijalani seorang budak lelaki berusia enam tahun penghidap virus HIV sejak lahir.

Anak berkenaan kini dijaga Pengetua Pertubuhan Amal dan Kebajikan Anak-Anak Islam Tersisih Selangor (PAKAT) Helmi Abdullah dan turut mengambilnya sebagai anak angkat yang sah.

“Anak ini antara 10 penghuni PAKAT sejak kami

mula beroperasi 2015. Dia istimewa di hati. Saya menerimanya dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) beberapa minggu selepas Aidilfitri 2015, sekitar awal Ogos.

“JKM sudah lama mencari waris kanak-kanak yang ditinggalkan ibunya kepada sebuah keluarga. Namun waris tidak dapat dikesan.

“Saya menerimanya untuk tinggal bersama di rumah perlindungan ini. Pada mulanya janggal saya yang

Headline	TERISTIMEWA DI KALBU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1TO3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	609 cm ²
Journalist	Amir Abd Hamid dan Mohd Firdaus Ibrahim	AdValue	RM 23,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,973

masih bujang dipanggilnya babah,” katanya sambil menjelaskan rumah perlindungan itu disewa RM250 sebulan di Kampung Bukit Kerayong, Kapar, Klang, di sini, dan memerlukan RM12,000 sebulan untuk kos operasi keseluruhan.

Menurutnya, anak angkatnya itu menyambut perayaan Aidilfitri dengan penuh keceriaan seperti kanak-kanak lain tanpa mengetahui dia adalah penghidap virus HIV.

Helmi berkata, penjagaan anak angkatnya itu tidaklah sukar cuma perlu memastikan ubat khas untuk penghidap HIV diberikan tiga kali sehari tepat pada masanya iaitu 8 pagi, 8 malam dan 9.30 malam.

“Selain itu, dia dan tiga lagi penghuni PAKAT yang menghidap virus HIV perlu menjalani ujian sel darah putih (CD4) dan virus di Hospital Kuala Lumpur untuk memastikan tahap kesihatan terjaga.

“Namun biarpun memiliki virus yang

digeruni ramai orang, setiap kali 1 Syawal dia seronok sangat beraya. Saya pula yang sedih mengenangkan nasibnya pada kemudian hari.

“Apapun saya kena mainkan peranan supaya dia boleh memahami situasi diri seiring dengan pembesarannya.

“Secara umumnya untuk setiap penghuni seumpamanya saya mahu mereka merasakan ada rakan senasib seperti aku dan boleh terima aku,” katanya.

Kepada orang ramai yang

mahu memburu pahala dengan membantu anak kurang bernasib baik ini boleh hulurkan sumbangan ke akaun Maybank Islamic 562067614385 atas nama Pertubuhan Amal dan Kebajikan Anak-Anak Islam Tersisih Selangor.

Mengenai PAKAT, Helmi berkata, penghuni rumah itu seramai 10 orang membabitkan enam perempuan dan empat lelaki berusia antara enam dan 18 tahun termasuk empat pesakit yang dijangkiti HIV/AIDS.

Mengulas lanjut, katanya, bagi ubat-ubatan berkaitan penjagaan HIV/AIDS kosnya ditanggung sepenuhnya hospital kerajaan.

Menurutnya, petugas di rumah berkenaan terdiri masing-masing seorang pemandu bas, tukang masak, penjaga hal ehwal ubat kepada pesakit dan tiga jawatankuasa pentadbiran.

“Selain mendapat dana daripada orang perseorangan yang prihatin, PAKAT juga berdaftar dengan Bahagian Pemulihan Al-Riqab Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), seterusnya melayakkan anak yang memenuhi syarat menerima zakat kategori Al-Riqab.

“Dana tahunan dikemas kini dan dibahagikan empat bulan sekali dan sekiranya perlu kami akan memotong belanja dapur dalam menguruskan rumah perlindungan ini,” katanya.

Helmi yang mempunyai

lapan adik-beradik itu berkata, dia bersyukur mempunyai keluarga yang memahami tanggungjawabnya mahu

menjaga sebaiknya golongan kurang bernasib baik itu.

“Alhamdulillah adik-beradik menyokong pekerjaan saya ini. Apa yang penting mereka tidak rasa stigma dengan penghuni yang sudah saya anggap sebagai keluarga,” katanya yang sebelum ini bekerja di bengkel kimpalan dan perkhidmatan sewa khemah milik abangnya.



Namun biarpun memiliki virus yang digeruni ramai orang, setiap kali 1 Syawal dia seronok sangat beraya. Saya pula yang sedih mengenangkan nasibnya di kemudian hari”

Helmi

Headline	TERISTIMEWA DI KALBU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1TO3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	609 cm ²
Journalist	Amir Abd Hamid dan Mohd Firdaus Ibrahim	AdValue	RM 23,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,973

Pesakit layak terima zakat kategori asnaf al-riqab

Kuala Lumpur: “Kepada semua umat Islam, janganlah hanya mengata dan menghina. Marilah sama-sama membantu memulihkan golongan terbelenggu ini yang sudah sekian lama disisihkan.

“Isu sosial berkait dengan akidah. Jika tak selesai pulihkan akan berisiko tergedai akidah selain fakir bawa kekufuran,” kata Pengarah Pembangunan Sosial/Ketua Pendaftar Muafiq dan Riqab Selangor Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Ahmad Shahir Makhtar.

Beliau mengulas mengenai bantuan kepada asnaf atau penerima zakat kategori riqab yang masih belum meluas mendapat perhatian termasuk pesakit HIV dan AIDS, golongan mak nyah, bekas penagih dan lain-lain yang dikategorikan di bawah asnaf al-riqab.

Asnaf atau penerima zakat ada lapan kategori iaitu fakir (al-Fuqara), miskin (al-Masakin), amil, muafiq, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnus sabil.

“Al-riqab secara literalnya bermaksud individu yang terbelenggu dan ia merujuk kepada golongan hamba abdi ketika zaman pemerintahan kerajaan Islam di Makkah dan Madinah dulu.

“Zaman sekarang sudah tiada hamba abdi. Namun, hanya di Selangor dikeluarkan fatwa ada 27 golongan terbelenggu ini termasuk pesakit HIV/AIDS,

mak nyah serta bekas penagih yang dikategorikan sebagai asnaf al-riqab dan mereka ini layak menerima zakat.

“Alhamdulillah segala usaha kami mendekati dan membimbing golongan ini mendapat maklum balas positif daripada mereka,” katanya.

Menurutnya, sebelum fatwa dikeluarkan sudah ada perbincangan di pejabat mufti Selangor dan akhirnya pada 2010 memutuskan kategori hamba abdi pada zaman sekarang adalah layak untuk golongan yang terbelenggu itu.

Ahmad Shahir berkata, sebanyak 27 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berdaftar dengan Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS dan Selangor adalah negeri tunggal ketika ini mengeluarkan fatwa

mengenai perkara berkenaan riqab itu.

Ketika ini, katanya, hampir 1,000 layak menjadi penerima riqab dan angka itu berubah sebab pihaknya sentiasa menjalankan program supaya golongan itu tidak terbelenggu lagi.

“Bantuan kewangan diberikan seorang setiap bulan antara RM550 hingga RM1,000.

“Apapun ini soal akidah. Jika tidak dibantu mereka akan terus sesat. Apabila itu berlaku, kita juga akan ditanya oleh Allah SWT di akhirat kelak kenapa tak buat apa-apa.

“Justeru, saya juga menyeru pihak korporat untuk sama-sama membantu supaya golongan yang dikategorikan terbelenggu di bawah al-riqab ini dapat diselamatkan,” katanya.




Hanya di Selangor dikeluarkan fatwa ada 27 golongan terbelenggu ini termasuk pesakit HIV/AIDS, mak nyah serta bekas penagih yang dikategorikan sebagai asnaf al-riqab dan mereka ini layak menerima zakat”

Ahmad Shahir



Headline	TERISTIMEWA DI KALBU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1T03	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	609 cm ²
Journalist	Amir Abd Hamid dan Mohd Firdaus Ibrahim	AdValue	RM 23,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,973



Headline	TERISTIMEWA DI KALBU		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	1T03	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	609 cm ²
Journalist	Amir Abd Hamid dan Mohd Firdaus Ibrahim	AdValue	RM 23,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,973

